

Dr M yakin radio Ikim perjelas ajaran Islam

7 JUL 2008

KUALA LUMPUR, Jumaat – Radio Ikim.fm yang dilancarkan hari ini, dapat membantu Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) memperbetulkan salah tanggapan masyarakat bukan Islam mengenai ajaran Islam sebenar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin radio itu juga boleh memperjelaskan sikap orang Islam terhadap bukan Islam, hubungan yang perlu wujud di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan bagaimana merapatkan persaudaraan sesama ummah.

“Terdapat salah faham di kalangan orang Islam mengenai perhubungan mereka dengan bukan Islam. Radio Ikim ini saya percaya mampu memperjelaskan keadaan sebenar,” katanya dalam temu ramah dengan stesen radio itu, yang disiarkan secara langsung selepas beliau melancarkannya di ibu pejabat Ikim di Jalan Duta, hari ini.

Temu ramah itu dikendalikan dua fellow Ikim, Dr Abu Bakar Abdul Majid dan Siti Fatimah Abdul Rahman. Rancangan itu diterbitkan oleh Ahmad Alwani Amir Hamzah. Berikut adalah soal jawab di antara Radio Ikim.fm dan Dr Mahathir:

Soalan: Kami ingin meninjau pandangan YAB Perdana Menteri mengenai beberapa perkara. Pertama apakah agaknya harapan Datuk Seri dengan penubuhan stesen radio Ikim.fm ini?

Dr Mahathir: Dengan adanya stesen radio ini saya berpendapat lebih ramai rakyat dapat mendengar penjelasan berkenaan dengan agama Islam, ajaran Islam secara yang tidak mempunyai lain selain daripada untuk mengembangkan ajaran Islam. Juga di Ikim ini berlaku banyak perbincangan, simposium dan sebagainya dan rakyat dapat mengikuti simposium seperti yang dilaporkan oleh Radio Ikim.

Soalan: Untuk maklumat Datuk Seri, satu daripada rancangan yang disiarkan di Radio Ikim.fm ialah berkaitan dengan wanita iaitu satu rancangan yang dikenali sebagai *Wanita Hari Ini* yang akan ke udara setiap hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari. Pada pandangan Datuk Seri sendiri, apakah mesej yang perlu disampaikan dalam rancangan ini supaya golongan hawa dapat sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara?

Dr Mahathir: Kita tak dapat elak daripada fakta bahawa wanita adalah separuh daripada penduduk negara. Jadi kalau kita tidak memberi perhatian kepada wanita, orang Islam terutamanya akan kehilangan separuh daripada tenaga yang ada kepada umat Islam dan umat Islam di Malaysia juga. Peranan wanita dalam masyarakat tentulah penting kerana mereka terlibat dengan didikan anak dan juga dengan menyumbang kepada

da sara hidup sesuatu keluarga di zaman ini.

Amat penting sekali mereka memahami ajaran Islam yang sebenar supaya mereka dapat bergerak dan juga melatih anak-anak mereka tentang apa kehendak agama Islam. Dalam pada itu, kita hendak juga supaya tenaga wanita, digunakan untuk membangunkan umat Islam dan banyak lagi keperluan umpamanya apa dia hak mereka supaya mereka tidak ditindas oleh mana-mana pihak.

Soalan: Datuk Seri, kita nampak bahawa sekarang ini Malaysia semakin aktif di arena antarabangsa terutama sekali dalam usaha menjalin hubungan lebih akrab dan sinergistik dalam bidang-bidang penting seperti perdagangan dan kewangan, terutama sekali di kalangan ahli Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC). Apakah saranan Datuk Seri kepada Radio Ikim.fm untuk sama-sama memainkan peranan ke arah menggembleng sumber-sumber di kalangan negara-negara OIC?

Dr Mahathir: Kita dapati bahawa negara-negara OIC ini mempunyai pendirian dan pendapat yang berbeza-beza dalam soal hubungan antarabangsa, soal perdagangan, soal pembangunan negara dan sebagainya. Kita perlu memperlihatkan kemampuan orang Islam sendiri, negara-negara Islam sendiri, untuk membangunkan negara mereka supaya

tidak ditindas oleh pihak-pihak lain.

Dalam pada itu kita dapati bahawa kebanyakan daripada maklumat datang daripada media yang agak kurang bersimpati dengan Islam. Dengan itu, laporan mereka sebenarnya tidak tepat. Ada keperluan bagi kita memperbetulkan anggapan salah yang dihasilkan daripada laporan-laporan yang berat sebelah, yang memihak kepada pihak-pihak yang bukan Islam.

Soalan: Datuk Seri, Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, bangsa dan budaya. Oleh kerana itu, Radio Ikim.fm ini perlu memenuhi selera semua pendengar daripada pelbagai latar belakang ini. Apa komen Datuk Seri mengenai perkara ini?

Dr Mahathir: Terdapat salah faham di kalangan orang Islam berkenaan dengan perhubungan mereka dengan orang bukan Islam. Demikian juga orang bukan Islam mempunyai persepsi yang tidak tepat, tidak kena berkenaan dengan agama Islam dan orang Islam. Oleh itu, Radio Ikim ini saya percaya mampu memperjelaskan sebenarnya apakah sikap orang Islam terhadap orang yang bukan Islam. Apakah perhubungan yang perlu diadakan dengan yang bukan Islam, apa pandangan Islam berkenaan dengan orang bukan Islam.

Demikian juga kita boleh me-

nerangkan kepada orang bukan Islam tentang apa agama Islam dan apakah agama Islam ini menyuruh kita putus hubungan dengan orang bukan Islam atau pun bermusuhan-musuhan dengan orang bukan Islam.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau berkata, Ikim ditubuhkan khusus bagi mengatasi berbagai-bagai bentuk kekeliruan di kalangan masyarakat bukan Islam mengenai ajaran Islam di samping memperbetulkan banyak salah faham mengenai ajaran Islam di kalangan masyarakat Islam itu sendiri.

“Saya yakin sekiranya siaran radio ini dikendalikan dengan bijak tanpa sebarang kepentingan selain daripada menyampaikan maklumat mengenai ajaran Islam yang sebenarnya, radio ini akan memberi manfaat kepada semua rakyat di negara ini,” katanya.

Perdana Menteri berkata kini terdapat pelbagai tanggapan negatif mengenai Islam yang dilemparkan oleh pelbagai pihak tertentu terutamanya di peringkat antarabangsa termasuk mengaitkan Islam dengan perbuatan jenayah serta keganasan.

Dr Mahathir berkata, kalau berlaku perbuatan pengeboman bangunan seperti yang berlaku di Amerika Syarikat, tuduhan pada mulanya akan dilemparkan ke atas orang Islam sungguhpun ia dilakukan oleh pihak lain.